

22 JUN 1999

Yusof-Penerangan

UCAPAN DR MAHATHIR DIJADIKAN BAHAN PENERANGAN UMNO

KUALA TERENGGANU, 22 Jun (Bernama) -- Biro Penerangan Umno akan menggunakan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian perhimpunan Agung Umno lepas untuk menerangkan kepada masyarakat mengenai isu-isu semasa.

Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor berkata ucapan Dr Mahathir selaku presiden parti akan dikeluarkan dalam bentuk kaset dan video untuk diedarkan kepada jentera parti.

Mereka boleh menggunakan bahan-bahan tertentu dalam ucapan Presiden untuk membuat penjelasan kepada masyarakat mengenai isu-isu yang menimbulkan kekeliruan, katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

"Kandungan ucapan Dr Mahathir itu sangat penting untuk memberi kefahaman kepada rakyat tentang politik dan isu semasa kerana ia mengandungi maklumat penting untuk mengelak pelbagai tohmahan dan sangkaan yang mengelirukan masyarakat," kata Yusof.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir antara lain menjelaskan mengenai isu seperti pemecatan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, campur tangan asing dalam urusan negara ini, kewajaran kerajaan melaksanakan projek besar dan selain mengenai perkara-perkara politik. Beliau menyentuh penulisan buku "SHIT" dan melahirkan rasa kesalnya.

Yusof berkata ucapan Presiden Umno itu boleh membantu menguatkan parti menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berharap semua parti komponen Barisan Nasional juga akan mengambil tindakan yang sama melalui biro penerangan mereka dan merangka strategi penerangan masing-masing.

Biro Penerangan Umno sedia bergabung dengan parti-parti komponen sebagai jentera penerangan Barisan Nasional, katanya.

Yusof berkata selain ucapan Presiden parti, beberapa ucapan dan penerangan oleh menteri-menteri kabinet seperti ucapan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin juga akan dijadikan sebagai bahan untuk penjelasan.

Pengedaran kaset itu sedang diuruskan dan jumlah edaran bergantung kepada permintaan daripada bahagian-bahagian Umno, katanya.

Mengenai pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Yusof berkata ia akan mengukuhkan lagi kedudukan Umno khasnya dan Barisan Nasional amnya di negeri itu.

-- BERNAMA

SN MAI